

RASUAH: FIKIR BELAKANG

MINGGUAN: Mengikuti Islam, apakah pengertian rasuah? Dalam

'risywah', daripada kalimah 'rasya'. Makna asalnya seseorang memberi kepada orang yang berkuasa atau mereka yang ada kedudukan seperti hakim atau pemerintah untuk mengambil dan memakan harta orang lain dengan cara batil. Itulah maksud 'risywah' yang disebut dalam al-Quran.

Allah SWT berfirman: "Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahuinya. (Al-Baqarah: 188).

Bagaimana Datuk melihat isu rasuah dengan tangkapan yang dilakukan oleh SPRM mutakhir ini? Yang pertama jelas menunjukkan betapa kesungguhan SPRM dalam menangani isu rasuah sehingga mereka benar-benar mengambil tindakan yang begitu agresif sesuai dengan tanggungjawab yang diberikan bagi menjadikan negara kita sifar rasuah.

Kedua, boleh jadi kerana zaman moden ini melalui pencapaian media massa yang menyebabkan setiap sesuatu yang berlaku itu mudah diketahui dari sekecil-kecil hingga sebesar-besar dengan pantas.

Saya juga rasa kesedaran masyarakat untuk tampil melaporkan pelaku rasuah semakin meningkat. Mereka melihat segelintir yang tersilap dan tersalah itu tidak boleh dibarkan. Maka, laporan demi laporan dibuat kepada pihak berkuasa.

Begitu juga dengan hal-hal yang menyebabkan mereka mengambil satu tanggungjawab bersama untuk membantenas isu ini. Sama ada besar, kecil, sederhana, langsung atau tidak langsung terus dinyatakan bahawa ia perkara yang amat keji dan tidak dibolehkan. Maka kita tengoklah hasil kesungguhan SPRM, kerjasama orang ramai, maka berlakulah sebahagian yang dapat kita lihat mutakhir ini.

Walaupun rasuah ini jelas haram dalam Islam dan salah di sisi undang-undang, tetapi melihat kepada penahanan oleh SPRM, umat Islam seolah-olah tidak menganggap rasuah sebagai satu dosa besar. Apa komen Datuk? Boleh jadi sebab kefahaman dan takrifan rasuah itu yang dikatakan mungkin bagi mereka ini tidak apa. Ini kerana rasuah itu banyak diganti dengan nama seperti sekadat hadiah, buah tangan atau dalam bahasa Arab disebut 'bakshheeh'. Ini 'bakshheeh' sikit-sikit sajalah atau ini duit kopi sedikit sahaja. Inilah nama-nama

yang digunakan untuk cuba lari daripada makna rasuah sedangkan itulah maknanya.

Baru-baru ini SPRM melancarkan Gerakan Revolusi Antirasuah (Gerah) dan Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawrim, Jangan Settle) bagi mendapatkan sokongan daripada semua pihak untuk memerangi rasuah di negara ini. Pada pandangan Datuk, apakah cara yang paling berkesan dari perspektif Islam yang boleh dilaksanakan oleh SPRM?

Biasanya Islam memang datang dalam dua bentuk. Pertama suruh dan kedua jangan. Jadi SPRM sebagai agensi menentang dan membasmi rasuah, kalimah jangan itu tidak lari daripada bidang tugasnya. Kecuali dari segi kaedah psikologi, bila jangan itu, ia membawa satu impak yang menunjukkan berlaku penentangan jiwa, syahwat dan nafsu.

Tapi dalam bentuk pujukan, boleh jadi dengan cara kita menggunakan beberapa istilah yang lebih lunak. Cuma keadaan semua manusia tak sama; tabiat dan habit. Ada orang suka kepada pujian dan orang yang suka kepada ajakan dan dakwah. Tapi ada orang, walaupun guna kaedah pujukan, ajakan dan dakwah, dia tak 'makar' tetapi memerlukan satu hukuman yang keras dan tegas.

Jadi usaha-usaha seperti ini adalah salah satu jihat SPRM dalam menangani isu-isu rasuah. Bagi saya ini percubaan yang baik dan boleh dikembangkan dan difikirkan dari semasa ke semasa. Sebagaimana yang dinyatakan (sabda Rasulullah SAW) "Hikmah itu adalah barang kehilangan bagi orang yang beriman. Di mana dia jumpa, dia berhak mengambinya." Maknanya, apa sahaja idea baharu yang tuntas dan baik termasuk

kempen yang membawa kesedaran, maka semuanya tidak menjadi satu kesalahan. Inilah sifat yang sebaiknya, kita mencuba dan sanggup untuk meredah serta melakukan perubahan.

Mungkin Datuk ada cadangan tentang pendekatan yang boleh digunakan untuk memerangi rasuah.

Apa yang penting juga, kita tanamkan dalam minda masyarakat sejak tadika lagi bahawa rasuah ini satu gambaran yang jijik, keji, kotor dan tidak baik. Jangan nampak kereta atau rumah yang besar tapi nampak natijah yang sangat buruk. Kita tanamkan gambaran seperti itu.

Sebagai contoh kalau kita cakap dalam konteks masyarakat Islam, sejak nenek-moyang kita sampai sekarang, bila sebut babi sahaja memang berat benar. Tak boleh langsung. Maknanya, tak makan dan apa-apa benda sebut khinzir tak boleh. Memang teruk sangat.

Tetapi dalam bab-bab yang lain pun kita kena ambil pendekatan yang hampir sama. Kita nampakkan rasuah adalah satu jenayah yang boleh menghancurkan kehidupan seseorang, institusi kekeluargaan, masyarakat, peradaban dan negara. Dalam sejarah kejatuhan kota Baghdad pada 656 Hijrah misalnya, tentera Mongol dan Tartar yang diketuai Hulagu Khan dengan mudah 'menganyang' umat Islam dan bilangan kematian hampir sejuta orang mengikut andalan Ibn Kathir dan Ibn al-Athir dalam kitab masing-masing, *al-Bidayah wal Nihaya* dan *al-Kamil fil Tarikh*. Salah satu puncanya adalah rasuah.

Mereka yang ditangkapp oleh SPRM ada yang berjawatan tinggi dan berpangkat Datuk, Datuk Seri dan Tan Sri. Malah ada juga orang berpendidikan agama terlibat



DZULKIFLI AHMAD dan Azam Bakri (tiga dari kiri) bersama ketamu dan orang ramai dalam program Jelajah Kempen 3J: Jangan Hulur, Jangan Kawrim, Jangan Settle di Kuala Lumpur.

IRIDEPAN TUHAN...

SEBAGAIMANA orang Islam
berasa jika dengan babl,
begitulah juga gambaran yang
perlu diberikan terhadap
perlakuan rasuah, kata Mufti
Wafiyah Persekutuan.

Bercakap kepada wartawan
Mingguan Malaysia,
bersama jurufoto,
di pejabat beliau
di Putrajaya. Sabtu lalu, beliau
berkata, gambaran tersebut perlu
ditanam dalam minda masyarakat
seawal prasekolah sebagai salah
satu pendekatan bagi memeringi
rasuah.

Sambil memuji usaha agresif
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM) dalam

dalam penyelewengan wang
zakat dan tanah wakaf. Di mana
silapnya?

Dalam bahasa
mudah, salah satu makna rasuah
ialah harta, duit, wang atau yang
dapat ditukar daripada itu untuk
menghasilkan apa yang dikehendaki.
Bila keadaan macam itu, ini
merupakan jalan pintas untuk
dapat apa yang dikehendaki. Maka dia
akan buat walau macam mana pun.
Contoh, dengan kerja macam
itu, mungkin kita hanya akan dapat
beli rumah berharga RM300,000
dan hampir pencen baru habis
bayar. Tetapi dengan cara rasuah,
mungkin boleh beli rumah berharga
RM3 juta dan habis dibayar dalam
masa yang begitu pendek.

Perbuatan seperti itu
sebenarnya adalah pertarungan
dalam jiwa seseorang sama ada dia
boleh mengawal nafsu atau tidak.
Orang yang terlalu kasih kepada
harta tidak akan lagi melihat
kepada natijah tetapi mereka
nampan sebuah kesenangan yang
bersifat amat sementara sedangkan
terpali pelbagai isu.

Perkara seperti ini tidak pelik
kalau kita tidak ada iman walaupun
kita seorang ustaz atau mufti. Bagi
saya pendekatan agama adalah
amat penting. Kita cuba tanamkan
pendekatan agama dan kita faham
itu.

Kita tengok kisah ketika
Rasulullah SAW menyampaikan
dakwah di kota Mekah. Orang
buklan Islam menawarkan harta dan
mahu mengangkat baginda sebagai
ketua, jika Rasulullah SAW berhenti
berdakwah. Tapi Rasulullah SAW
tolak.

Bila diuji terlalu banyak,
baginda mengatakan "kalaupun
mereka sanggup letak matahari
di tangan kananmu dan bulan di
tangan kiriku, untuk aku tinggalkan
urusan ini, demi Allah aku tidak
akan tinggalkannya sehingga aku
mati."

Kita tengok juga macam mana
sejarah Salaf al-Salih zaman
dahulu, walaupun ditawarkan sebagai
ganjaran mereka tidak kisah pun.
Manusia mulia kerana maruah
dan prinsip dirinya. Manusia yang
hilang maruah atau prinsip dirinya,
tidak kira siapa dia dan apa watak
dia, dia rebah kerana tidak ada lagi
izzah atau kemuliaan.


Apakah pesanan Datuk
kepada mereka yang masih laka
melakukan jenayah rasuah dan
juga kepada mereka yang telah
ditangkap?

Kita mesti bertegas
dalam isu seperti ini, bukan kerana
kita takut semata-mata kepada
undang-undang. Undang-undang
rasuah (hukumnya) empat tahun,
15 tahun atau 20 tahun duduk dalam
penjara. Makan percuma dan kalau

memerangi rasuah, Zulkifli
menasihatkan orang ramai
supaya tidak terlalu melihat
kepada keserangan yang bersifat
semantara tetapi matjari daripada
perbuatan mereka itu serta
bagaimana akan berhadapan
dengan Allah di akhirat kelak.

"Dalam sejarah kejatuhan
kota Baghdad pada 656 Hijrah
inisialnya, tentera Mongol dan
Tartar yang diketuai Hulagu Khan
dengan mudah 'menganyang'
umat Islam dan bilangan
kematian hampir sejuta orang
mengikut andalain Ibn Kathir dan
Ibn al-Akhir dalam kitab masing-
masing, *al-Bidayo wal Nihayo*
dan *al-Kamil fi Tarikh*. Salah
satu puncanya adalah rasuah,"
katanya.

**Bila tengok rasuah,
kita perlu lihat dalam
skala yang besar. Rasuah
menjahanamkan negara,
rasuah menjadikan
ekonomi merudum,
kepercayaan pelabur kurang,
bilangannya penghormatan
terhadap seseorang,
kehormatan akan jatuh,
bilangannya maruah dan
pandangan yang
begitu teruk
terhadap
seseorang
itu.**



sakit pun dihantar ke hospital atau
klinik. Boleh rehat dan tidur sahaja.
Kalau fikir macam itu, kita tak
selesai. Kita perlu berfikir bagaimana
kita berdepan dengan Tuhan di
akhirat kelak.

Bila tengok rasuah, kita perlu
lihat dalam skala yang besar. Rasuah
menjahanamkan negara, rasuah
menjadikan ekonomi merudum,
kepercayaan pelabur kurang, bilangannya
penghormatan terhadap seseorang,
kehormatan akan jatuh, bilangannya
maruah dan pandangan yang begitu
teruk terhadap seseorang itu. Tidak
ada satu pun gambaran yang baik
tentang rasuah.

Tengok sejarah membuktikan
syarikat gergasi seperti Enron
dikatakan jatuh sebab rasuah. Ini
semua memberi satu pengajaran
dan petunjuk yang baik kepada kita
supaya kita wajib meninggalkan
rasuah. Allah SWT tidak
menyarikatkan atau melarang
sesuatu kecuali masalah itu
terwujud bagi manusia dan inilah
sifat syaria Islamiah. Ia diperakui
oleh firrah dan naturi manusia
bahawa memang rasuah adalah tidak
baik dan amat keji serta jijik.

Mengikut Islam, apakah
hukuman yang paling sesuai bagi

pesalah rasuah dan apakah ia sudah
dilaksanakan di negara ini?

Ini termasuk dalam
kaedah yang dibuat oleh imam atau
pemerintah sebagai taksir. Kalau di
tempat itu terlalu banyak isu rasuah,
mungkin kadar hukuman itu boleh
dikerasi tetapi bila (rasuah) kurang,
mungkin boleh dikurangkan. Ikt
keperluan semasa dan kebijaksanaan
siasah pemerintah di satu-satu masa
dan tempat.

Ada pihak berpandangan ahli-
ahli agama termasuk ulama dan
mufti kurang bersuara dalam isu
memerangi rasuah.

Hendak kata kurang
sangat pun tak, hendak kata kuat
sangat pun tak. Pertama, masalah ini
biasanya kadang-kadang ia timbul
sekali-sekala dalam bersaiz mega
dan besar dalam media. Apa yang
saya tahu, adanya kerjasama antara
SPRM dan jabatan agama Islam
dalam khutbah-khutbah tentang
menjauhi rasuah.

Cuma pada saya, dalam isu
seperti ini, tidak perlu kita menuding
jari kepada orang itu atau orang ini.
Ia bersifat keseluruhan, iaitu semua
pihak perlu memainkan peranan
masing-masing.

Pemimpin kena tegas dengan
dasar-dasar antirasuah, para ulama
menyampaikannya dan disampaikan
di mimbah-mimbah. Buat kempen
dalam televisyen, buat sketsa
tentang akbat dan natijah rasuah,
radio dan akhbar memberitahu
implikasi rasuah. Semua akan
terbahit dan boleh dibuat sama ada
bersifat berkala, mingguan, bulanan
atau tahunan.

Mungkin kita buat Minggu
Antirasuah, Bulan Antirasuah dan
Hari Tanpa Rasuah. Bukan maksud
saya hari lain boleh lakukan rasuah
tetapi penyojian utama atau fokus
yang menunjukkan kesungguhan
dan keseriusan kita menangan
rasuah. Maka para guru, pensyarah,
imam, bilal dan orang biasa boleh
bercakap tentang rasuah.

Bagi saya, kalau cakap orang ini
tidak bercakap dan orang itu tidak
bercakap, isu ini tidak akan selesai.
Banyak benda kita nampak, orang
suka menuding jari.

Baik semua pihak buat kerja.
Masing-masing perlu bersedia siaga
menangani sebarang isu dan ambil
ruang serta posisi yang dihizinkan
dan menggunakan semaksimumkan
mungkin untuk sama-sama
bersepadu bagi menyelesaikan isu
ini.

Apakah pandangan Datuk
tentang tindakan agresif oleh
SPRM di bawah pimpinan Ketua
Pesuruhjaya, Datuk Dzulkipli
Ahmad dalam memerangi rasuah?

Saya ucap syabas
kepada Datuk Dzulkipli. Sekalipun
saya belum bertemu secara langsung
lagi tetapi saya pernah terserempak
dengan beliau dalam satu majlis
pertemuan dengan wakil Syekhul
Azhar Universiti al-Azhar, Syekh
Prof. Dr. Abbas Syumann di sebuah
hotel. Maka berbualh sekejap.

Tetapi apa yang kita fahami,
bermula dari permulaan jawatannya
dan saya tengok kenyataan-
kenyataannya, sikapnya serta sedikit
latar belakangnya dan juga tindakan-
tindakan yang dilakukannya,
nampak sangat keseriusan dan
kesungguhan serta tanggungjawab
yang amat baik telah dilakukan oleh
Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Saya ucapkan syabas dan mudah-
mudahan beliau dengan warga SPRM
terus-menerus akan menjalankan
amanah dengan jayanya.

Saya katakan kepada beliau
dan warga SPRM, jalinlah kamu
di atas keberkatan Allah SWT.
Mudah-mudahan Allah SWT
memberikan kepada kita taufik dan
hidayah, menyebabkan dasar-dasar
yang dilakukan boleh membawa
kepada sifar rasuah di negara kita
atau dengan erti kata lain, rasuah
akan terhapus dan mati dalam
kehidupan ummah di Malaysia.